

20/02/1998

Tumpat beri laluan kepada Kamaruddin

PASIR MAS, Khamis - Umno bahagian Tumpat mencapai kata sepakat apabila penyandang jawatan itu, Mansor Salleh, memberi laluan kepada naib ketuanya sekarang, Datuk Kamaruddin Jaafar, untuk menerajui bahagian itu bagi penggal 1998/1999 tanpa membabitkan pertandingan.

Difahamkan persetujuan itu dicapai selepas kedua-dua pihak berunding sekali gus mencapai persefahaman demi menjaga nama baik Umno dan perpaduan parti.

Keputusan itu juga selaras nasihat Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mahu jawatan ketua bahagian di negeri ini tidak dipertandingkan, sebaliknya melalui proses perundingan.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Ibrahim Ali, yang mewakili MT, menyaksikan majlis penyelesaian muafakat kepemimpinan Umno bahagian itu, di bangunan Umno Tanjung Che Mas, Tumpat hari ini, berkata perkara itu sebagai perkembangan terbaik yang patut menjadi contoh kepada bahagian lain.

"Kehadiran saya pada majlis ini bukan untuk mencampuri urusan mereka tetapi diundang sebagai tetamu (wakil MT) untuk menyaksikan penyelesaian Umno bahagian Tumpat menjelang pemilihan.

"Walaupun pada awalnya bahagian ini dijangka berlaku pertandingan yang mungkin menyaksikan peralihan kepemimpinan tetapi ia dapat diselesaikan melalui semangat musyawarah.

"Dengan itu Umno bahagian Tumpat tiada pertandingan," katanya.

Ibrahim yang juga Ketua Umno bahagian Pasir Mas, berkata dalam perundingan itu juga beliau dimaklumkan, persetujuan dicapai untuk memberi jawatan Timbalan Ketua yang dipegang oleh Mat Nawawi Mat Jusoh kepada Mansor, manakala Mat Nawawi diberi peluang menyandang jawatan Naib Ketua bahagian.

"Ini bermakna, Kamaruddin diberi laluan oleh Ketua Bahagian sekarang (Mansor) yang turun ke jawatan timbalan, manakala timbalan sekarang (Mat Nawawi) akan memegang jawatan naib yang sebelum ini dipegang oleh Kamaruddin.

"Saya kira keputusan Mansor untuk turun ke jawatan timbalan, dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pengkalan Kubur, Mat Nawawi turun ke jawatan naib adalah satu pengorbanan besar yang boleh menjadi contoh kepada semua.

(END)